

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/12/13\_23 (HQ)

### DETIK BERSEJARAH: TNB PACU PERALIHAN TENAGA ASEAN DENGAN EKSPORT SULUNG TBB KE SINGAPURA

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** memulakan eksport sulung bekalan tenaga boleh baharu (TBB) ke Singapura pada 11:30 pagi ini (13 Disember) dalam satuk detik bersejarah yang mengukuhkan dedikasi teguh syarikat elektrik nasional itu untuk mempercepatkan transformasi tenaga ASEAN.

Kejayaan besar ini disaksikan oleh Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Akmal Nasrullah Mohd Nasir di Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional atau National Load & Despatch Centre (NLDC) TNB di Ibupejabat TNB, Bangsar, Kuala Lumpur.

Bekalan elektrik merentasi sempadan dua negara ini dicapai dalam tempoh empat hari selepas TNB dan syarikat pengimport bekalan elektrik berlesen Singapura, Sembcorp Power Pte Ltd menandatangani Perjanjian Pembekalan Tenaga Boleh Baharu (RESA) pada 9 Disember 2024.

Di bawah perjanjian tersebut, Singapura bersetuju mengimport 50 megawatt (MW) tenaga hijau yang disertakan Sijil TBB (RECs). Tenaga hijau berjumlah 50MW itu adalah hasil daripada proses bidaan yang dilaksanakan oleh Energy Exchange Malaysia (ENEGEM) pada Jun lalu.

Urusniaga ini merupakan sebahagian daripada Skim Jualan Elektrik Rentas Sempadan untuk Tenaga Boleh Baharu (CBES RE) yang sejajar dengan inisiatif Grid Kuasa ASEAN (APG) dan matlamat peralihan tenaga Malaysia.

“Eksport bekalan TBB dengan RECs ke Singapura adalah sebahagian dari inisiatif PETRA di bawah Skim CBES RE. Ianya berjaya dilaksanakan dengan sokongan dan usaha sama antara Suruhanjaya Tenaga, Grid System Operator, Single Buyer yang mengendalikan ENEGEM, dan Sembcorp,” kata Akmal Nasrullah.

“Eksport bekalan tenaga hijau ke Singapura ini memperteguhkan lagi usaha-usaha sedia ada negara anggota ASEAN untuk menjayakan APG, yang menyasarkan sistem bekalan tenaga yang mampan dan saling berhubung untuk rantau ini. Selaku pemacu APG, Malaysia mahu menyegerakan penggunaan tenaga hijau di rantau ini dan sedang aktif terlibat dengan rakan-rakan ASEAN lain untuk mendorong pelaksanaan APG, yang akan memperkukuh saling hubung dan keterjaminan bekalan tenaga antara ASEAN.

S.A. 2024/12/13\_23 (HQ)

“PETRA yakin bekalan tenaga hijau merentasi sempadan ini akan menyokong aspirasi peralihan tenaga negara dan menyumbang kepada komitmen Malaysia dalam menerajui inisiatif integrasi bekalan elektrik rantau ini menerusi APG yang merupakan sebahagian dari agenda utama negara selaku pengerusi ASEAN - Malaysia in 2025,” tambahnya.

Sebelum itu, Akmal Nasrullah diberikan taklimat mengenai bekalan TBB merentasi sempadan oleh Ketua Grid System Operator (GSO) TNB, Ir. Shanmugam Thoppalan.

Sementara itu, President/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, 50MW tenaga yang dieskport akan memperkuatkan lagi usaha Malaysia ke arah penyahkarbonan dengan menggalakkan pelaburan baru dalam TBB berskala besar oleh TNB dan pemain industri elektrik yang lain.

“Kapasiti saling hubung untuk bekalan elektrik antara Malaysia dan Singapura yang sedia ada adalah pada 1,000MW. Dari jumlah ini, 300MW diperuntukkan untuk Skim CBES RE dan 200MW untuk Projek Integrasi Tenaga Lao PDR-Thailand-Malaysia-Singapore Power (LTMS-PIP) Fasa 2. Hanya 50MW yang dieksporth di bawah CBES RE buat masa ini.”

Sambil menegaskan bahawa TNB sedang menerajui APG, beliau berkata bekalan sulung 50MW itu mencerminkan kesungguhan syarikat utiliti itu untuk mempercepatkan matlamat tenaga lestari ASEAN dan memperkukuhkan integrasi tenaga di rantau ini. “Kami kekal komited dalam matlamat kami meletakkan Malaysia sebagai pemacu utama perdagangan tenaga hijau di rantau ASEAN.”

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 13 Disember 2024, jam 5:00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

### **Mengenai Tenaga Nasional Berhad**

Tenaga Nasional Berhad ([www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan jejak antarabangsa di United Kingdom, Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Cambodia. Dalam bidang Tenaga Boleh Baharu setakat Disember 2023, TNB memiliki kapasiti bekalan elektrik berjumlah 3,119MW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 1,183MW di seluruh UK, Ireland, Australia dan Turkiye yang meliputi penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Di samping menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 Jun 2024, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

### **Mengenai NLDC**

Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional (NLDC) beroperasi di bawah seliaan *Grid System Operator* (GSO). GSO merupakan entiti yang diasingkan dalam struktur organisasi TNB, bertanggungjawab untuk operasi dan kawalan Sistem Grid Semenanjung Malaysia serta memastikan sistem grid berfungsi secara selamat, berdaya harap dan paling ekonomi. Dalam pengurusan sistem grid, GSO menguruskan rangkaian penghantaran, penjadualan semula dan penghantaran secara masa sebenar untuk semua penjana dalam sistem dan operasi sambung tara, koordinasi semua pihak yang disambungkan kepada Sistem Grid, perancangan jangka pendek dan sederhana untuk rangkaian penghantaran dan kemudahan penjanaan. Berkenaan dengan operasi harian, GSO perlu mematuhi Akta Bekalan Elektrik 1990 (ESA), Kod Grid untuk Semenanjung Malaysia (Pindaan) 2020 (GCPM), dan dipandu oleh *Transmission System Reliability Standard (TSRS)*.




**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mencatatkan detik bersejarah dengan bermulanya eksport sulung bekalan tenaga boleh baharu (TBB) ke Singapura yang mengukuhkan dedikasi teguh syarikat elektrik nasional itu untuk mempercepatkan transformasi tenaga ASEAN.

Detik penting itu disaksikan Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Akmal Nasrullah Mohd Nasir bersama perwakilan PETRA, Surhahnajaya Tenaga, TNB, Grid System Operator dan Single Buyer yang mengedalikan Energy Exchange Malaysia (ENEGEM).



Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Akmal Nasrullah Mohd Nasir membuat tetapan saling hubung bekalan tenaga Malaysia-Singapura, bagi memulakan eksport bersejarah TBB sulung TNB ke Singapura di Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional atau National Load & Despatch Centre (NLDC) TNB di Ibupejabat TNB, Bangsar, Kuala Lumpur.

S.A. 2024/12/13\_23 (HQ)



Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Akmal Nasrullah Mohd Nasir diberikan taklimat mengenai bekalan TBB merentasi sempadan oleh Ketua Grid System Operator (GSO) TNB, Ir. Shanmugam Thoppalan sempena lawatannya ke Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional atau National Load & Despatch Centre (NLDC) TNB di Ibupejabat TNB, Bangsar, Kuala Lumpur pagi ini (13 Disember). Bermula hari ini, TNB menyalurkan 50MW TBB ke Singapura.